

10/02/2003

OIC tidak berdaya henti serangan AS

Waja Timur

PERANG Teluk hampir tercetus apabila Amerika Syarikat dengan sikap degil dan angkuhnya mahu terus menyerang Iraq walaupun ditentang oleh Pertubuhan

Bangsa-Bangsa Bersatu dan banyak negara.

Apabila perang berlaku, negara Islam akan ditindas, dipermainkan dan dilemahkan oleh negara besar, terutama Amerika.

Selepas Afghanistan ditumbangkan, kini Iraq yang bakal mengalami nasib sama. Apakah umat Islam lain hanya mahu melihat dan membiarkan saja.

Apa yang kita hairan, di mana perginya suara negara Islam besar seperti

negara Arab dalam menyekat umat Islam daripada terus ditindas.

Kita hairan sejak dulu, negara Arab tidak menunjukkan komitmen tinggi dalam hal ini.

Bagaimana pula peranan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dalam hal ini?

Jika difikirkan secara mendalam, inilah saatnya OIC menunjukkan peranan

untuk memperbetulkan gambaran salah terhadap Islam di mata masyarakat dunia.

Pertubuhan itu pada hari ini dilihat lesu seolah-olah sudah tidak bermaya hanya menunggu saat 'dimatikan' dan dibubarkan oleh pihak yang tidak menyenangkan kewujudan pertubuhannya.

Tidak mustahil, segala perkara mengenai OIC mungkin hanya menjadi bahan

sejarah dan arkib pada masa akan datang. Apakah ini yang kita ingin lihat?

OIC tidak hanya sekadar satu pertubuhan yang tidak mempunyai suara dan komitmen terhadap umat Islam dunia.

Hanya Perdana Menteri yang lantang bersuara dan mengkritik ketidakadilan

Amerika terhadap Iraq yang dituduh memiliki senjata nuklear.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berani menyatakan pendirian Malaysia terhadap ketidakadilan mana-mana pihak, termasuk Amerika. Keberanian dan semangat itu juga sebenarnya perlu juga wujud dalam jiwa pemimpin Islam lain.

Jika umat Islam mempunyai suara padu dan tidak berbelah bagi, tiada siapa yang berani memperkotak-katikkan umat Islam.

Di manakah peranan pemimpin negara Islam lain, terutama Arab dalam usaha

membantu memberi sokongan terhadap Iraq.

Paling menyedihkan ada negara Arab sendiri yang memberikan sokongan terhadap Amerika dengan membenarkan pangkalan udara mereka dijadikan

pusat

latihan askar Amerika.

Negara Arab dilihat seolah-olah tidak mempedulikan negara Arab lain.

Sampai bilakah mereka takut untuk bersatu padu menentang paksi kejahatan Amerika terhadap negara Islam.

Siapa tahu mungkin selepas Iraq, negara lain seperti Arab Saudi pula

adalah sasaran terbaru mereka.

Kini barulah saya faham kenapa Nabi Muhammad saw diturunkan Allah di tanah Arab. Ini kerana bangsa Arab adalah bangsa yang sukar untuk bersatu padu dan saling berkelahi sesama mereka.

Contoh yang jelas adalah isu pencerobohan Israel di tanah Palestin yang tiada kesudahan.

Alangkah baiknya jika negara Arab bersatu padu menentang Washington yang angkuh itu dengan menggunakan sumber minyak sebagai modal untuk serangan balas bagi menghentikan kezaliman Amerika. Dunia tidak memerlukan 'polis dunia' seperti Amerika untuk menjaga keamanan sejagat.

Apa yang ingin dunia perlukan sebenarnya adalah kesedaran pemimpin setiap negara menyuarakan pendapat dan melakukan tindakan bagi membanteras ketidakadilan dan penindasan terhadap masyarakat dunia.

WAJA TIMUR,
Kuala Lumpur.